

Headline	Program Jalinan Ukhuwah JCorp di Bukit Kepong		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	37
ArticleSize	277 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,424		



Program Jalinan Ukhuwah JCorp di Bukit Kepong

PAGOH 9 Sept. - Johor Corporation (JCorp) menerusi Program Jalinan Ukhuwah JCorp peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Kepong meraikan lebih 500 penduduk setempat hasil kerjasama pelbagai agensi dan syarikat yang turut sama turun padang.

Program bertempat di Dewan Serbaguna Kundang Ulu, Tangkak dekat sini, baru-baru ini dimeriahan lagi dengan kehadiran Menteri Besar, Datuk Dr. Sahrudin Jamal merasmikan program tersebut di samping menyaksikan pelbagai bantuan dihulur kepada masyarakat setempat.

Program tanggungjawab korporat (CSR) tersebut dilak-

sanakan menerusi Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WAN-Corp) disertai Yayasan Johor Corporation, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan SKS Group.

Dalam majlis itu, Yayasan JCorp mengagih 3,000 naskhah buku ilmiah kepada lebih 100 sekolah di negeri ini menerusi program *Books For Asia* iaitu sebahagian daripada 20,000 naskhah yang diagihkan bernilai hampir RM1 juta di seluruh negara.

Dr. Sahrudin berkata, program *Books For Asia* itu seiring dengan aspirasi negara untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan

komuniti termasuk pelajar melalui pembacaan buku.

"Penguasaan bahasa Inggeris amat penting dalam meningkatkan daya saing masyarakat dalam konteks ekonomi global yang semakin mencabar," katanya ketika ditemui.

Beliau yang juga Pengerusi JCorp berpeluang menanam pokok sebagai gimik Program Infaq Warisan anjuran WAN-Corp yang menasaskan kutipan sebanyak RM1 juta menerusi pakej jualan pokok berharga RM2,000 hingga RM50,000 kepada pelbagai agensi, syarikat korporat serta orang ramai yang hasilnya akan dimasukkan ke dalam Dana Klinik Waqaf An-Nur.



DR. SAHRUDDIN JAMAL (kiri) dan Ketua Eksekutif JCorp, **Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim** (kanan) menanam pokok sempena Program Jalinan Ukhuwah JCorp peringkat DUN Bukit Kepong di Kundang Ulu, Tangkak, semalam. - BERNAMA